

## Perjalanan ke luar negara turut dibenarkan

**PUTRAJAYA** - Kerajaan bersetuju membenarkan rakyat Malaysia melakukan perjalanan ke luar negara tanpa melalui #MyTravelPass Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bagaimanapun berkata, pengembara masih perlu menjalani kuarantine wajib sebaik pulang ke tanah air.

“Kebenaran ini juga akan mula berkuat kuasa pada 11 Oktober 2021 (hari ini).

“Keputusan pemansuhan ini antaranya untuk menghubungkan ahli keluarga dan pasangan yang terpisah, rakyat Malaysia yang ke luar negara bagi tujuan bekerja

dan mereka yang menjalankan urusan perniagaan.

“Kebenaran ini tertakluk kepada individu yang lengkap divaksin,” katanya ketika sidang akhbar khas pada Ahad.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menyeru supaya rakyat mengambil vaksin Covid-19.

“Bagi mereka yang masih belum divaksin, segeralah berbuat demikian.

“Ini kerana banyak kelonggaran yang telah diumumkan seperti merentas negeri, melancang dalam dan luar negara, *dine-in* dan sebagainya bergantung kepada syarat lengkap vaksinasi. Vaksin mengurangkan risiko jangkitan,” jelas beliau.